

BAB II

TINJAUAN

TERHADAP KAJIAN-KAJIAN YANG BERKAITAN

2.1 PENGENALAN

Menguasai kemahiran membaca bukanlah satu kerja yang mudah kerana ia hanya dapat dicapai dengan adanya proses pengajaran dan pembelajaran secara formal. Membaca merupakan percantuman beberapa proses yang kompleks, iaitu proses mengamati, mengingat, mendengar dan membezakan bunyi-bunyi dengan tepat dan jelas, menyebut lambang-lambang huruf yang mewakili bunyi-bunyi tertentu, menggabungkan bunyi-bunyi untuk membentuk perkataan dan memindahkan lambang-lambang yang dibacanya itu kepada sistem ognitif untuk diterjemahkan dan difahamkan (Smith, 1978).

Deboer dan Dallman (1974), berpendapat membaca melibatkan dua faktor, iaitu pemahaman dan interpretasi idea yang dilambangkan melalui penulisan. Gibson pula menegaskan, membaca bermakna bertindak balas terhadap simbol-simbol grafik, mentafsir simbol-simbol grafik kepada pertuturan dan mendapatkan makna daripada bahan-bahan bercetak.

Kegiatan membaca merupakan proses meletakkan pembaca berhubung atau berkomunikasi dengan sesuatu idea. Tanpa pembaca, komunikasi melalui bahan bertulis tidak mungkin berlaku. Komunikasi yang berlaku antara pembaca dan penulis ini membolehkan perpindahan ilmu dari orang yang pakar dalam sesuatu bidang, iaitu penulis kepada pembaca.

Sehubungan dengan itu, membaca juga merupakan satu kemahiran yang perlu diajar dan dilatih kepada pelajar supaya mereka menjadi pembaca yang cekap. Menurut Juriah Long (1990:137), pembaca yang cekap hanya memberi perhatian pada perkataan-perkataan yang penting sahaja. Ia juga akan menumpukan sepenuh perhatian dan kebolehannya memproses bagi mendapatkan makna dengan menggunakan strategi analisis dan sintesis dalam bacaan. Pembaca yang cekap akan mendapatkan maklumat daripada sesuatu teks berdasarkan kecekapan bahasa dan pengalamannya dan tidak menganalisis dengan cara meneliti patah demi patah perkataan.

Marohaini Yusoff (1989), membahagikan kefahaman bacaan kepada tiga kategori yang besar, iaitu: (i) penubuhan, (ii) pentafsiran, dan (iii) penilaian makna atau maksud. Menurut beliau, kemahiran menubuhkan makna merupakan kemahiran asas dan terpenting dalam mendapatkan kefahaman bacaan. Tanpa kefahaman makna perkataan atau frasa, seseorang murid itu tidak mungkin dapat memahami apa yang dibaca.

Dalam proses memahami sesuatu bacaan yang dilakukan, penekanan juga perlu diberikan dalam memberikan makna atau maksud yang tersirat. Kemahiran untuk pentafsiran memerlukan murid memperolehi kebolehan membuat inferen-inferen, ramalan, deduksi dan memahami tujuan penulisan bahan yang dibaca. Dalam aspek penilaian makna pula, seseorang murid perlu membuat keputusan tentang apa yang dibaca. Oleh itu pemikiran yang kritis adalah penting. Murid perlu dapat membuat perbezaan dan persamaan, analisis dan pertimbangan ke atas pembacaan mereka.

2.2 KAJIAN DI BARAT

Terdapat beberapa orang sarjana Barat yang telah membuat kajian berkaitan dengan tulisan Jawi seperti Shellabear, Marsden, R.J. Wilkinson, R.O. Winstedt, Van Ophuisjen dan Frank Swettenham. Mereka berusaha menjalankan kajian berkaitan dengan Jawi ini adalah didorong oleh rasa minat terhadap khazanah ilmu Melayu di samping tidak kurang juga untuk memahirkan diri dalam bidang bahasa dan persuratan Melayu supaya mudah mereka berinteraksi dalam usaha mengembangkan agama Kristian. Usaha seperti ini jelas terbukti seperti yang pernah dilakukan oleh Shellabear.

Dalam bidang pendidikan pula, Winstedt boleh dianggap sebagai tokoh paling penting kerana beliau pernah menjadi pegawai di Jabatan Pelajaran Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Beliau telah memberikan sumbangan yang besar kepada tulisan Jawi apabila bukunya 'Malay Grammer' (1914) , telah banyak membincangkan tentang tulisan Jawi dan ilmu nahu Melayu. Usaha beliau itu sebenarnya merupakan lanjutan daripada buah tangan oleh Shellabear (1901) melalui naskhah Jawinya 'The Malay Spelling'.

Pada peringkat awal tulisan Jawi masih lagi terpengaruh dengan ejaan Arab. R.O. Winstedt (1914:39), telah menunjukkan contoh tersebut seperti yang terdapat dalam ejaan beberapa perkataan seperti ‘tahu’ , ‘jadi’ dan ‘kuda’ yang ditulis seperti berikut:

‘تاهو’	asalnya dieja	‘تاه’
‘جادي’	asalnya dieja	‘جاد’
‘كودا’	asalnya dieja	‘كد’

Kang Kyoung Seock (1990:33), dalam ulasannya tentang sistem ejaan Jawi yang terdapat dalam buku Shellabear iaitu ‘The Evolution of Malay Spelling’ menjelaskan bahawa terdapat unsur-unsur pengaruh Arab. Ini dapat dilihat pada beberapa perkataan yang berikut:

‘نام’	asalnya di eja	‘نما’
‘جادي’	asalnya dieja	‘جاد’
‘كودا’	asalnya dieja	‘كود’

Menurut Kang lagi, buku tersebut juga telah menggunakan tulisan Jawi untuk menyalin cerita Hikayat Seri Rama, Hikayat Abdullah dan Panca

Tanderan. Dalam penganalisisan beliau terhadap Hikayat Abdullah, didapati ejaan Jawi dalam hikayat tersebut hampir serupa seperti yang diwarisi oleh Za'ba. Terdapat beberapa contoh yang menunjukkan persamaan tersebut pada perkataan-perkataan tersebut seperti 'دوا', 'بيل', dan 'پاوا'.

Seorang lagi tokoh sarjana Barat yang pernah menghasilkan bahan bertulis dalam tulisan Jawi ialah William Marsden (1812). Buku karangan beliau ialah Kamus Melayu yang diberi nama 'Dictionary of Malayan Language'. Dalam kamus tersebut Marsden telah membahagikan dua bentuk tulisan iaitu tulisan Jawi untuk perkataan Melayu dan tulisan Rumi untuk pengertian yang diberikan dalam bahasa Inggeris.

R.J.Wilkinson (1903), telah menghasilkan kamus Jawi-Melayu-Inggeris. Kamus ini telah diterbitkan semula di Serkam, Melaka dan diberikan kata pengantar oleh Haji Abdul Rahim Abdullah, yang antara lainnya seperti berikut:

"Istilah yang disusun dalam kamus ini mempunyai istilah-istilah tua yang hampir pupus dan tidak lagi dipertuturkan sekarang. Ia disusun mengikut abjad Jawi bermula dari Alif hingga Za. Setiap istilah ditulis dalam tulisan Jawi, diikuti dengan ejaan dalam tulisan Rumi dan pengertiannya diberikan dalam bahasa Inggeris."

(Haji Abd.Rahim Abdullah, 1985)

Tentang huruf Jawi yang digunakan dalam naskhah itu, Wilkinson menjelaskan seperti berikut:

“The modern Malay alphabet, as usually accepted by lexicographers, consist of 33 letters, and the characters in which they are written is the Arabics.”

(Wilkinson, appendix : 1901)

Selain itu, Wilkinson juga menerangkan bahawa abjad Jawi boleh menjadi 35 huruf dengan kehadiran ‘ ﻻ ’ dan ‘ ﺀ ’. Dari segi peranannya pula kedua-dua huruf itu bertindak untuk huruf ‘ ﺀ ’ dan ‘ ﻻ ’.

Dalam naskhah Wilkinson ini, transliterasi Jawinya ditulis dengan tulisan tangan. Sistem ejaannya juga masih terikat dengan pengaruh Jawi klasik iaitu yang mempunyai ciri-ciri pengaruh Arab.

bular = بولر



bulur = بولر

bulir = بولر





Ketiga-tiga ejaan di atas, iaitu bular, bulur dan bulir dieja serupa dalam ejaan Jawi. Pembaca hanya dapat membezakan bunyi pada perkataan tersebut apabila ia dipakai kepada ayat, yakni kefahaman yang didasarkan kepada konteks.

Sir Frank Swettenham merupakan seorang lagi pegawai birokrat Inggeris yang pernah bertugas di Tanah Melayu yang juga sangat berminat dengan pendidikan dan kebudayaan Melayu. Beliau juga telah menghasilkan sebuah buku daftar kata Melayu yang diberi nama 'Vocabulary of the English and Malay Language' dalam tahun 1911.

Kamus yang dihasilkan oleh beliau itu hampir sama dengan kamus Wilkinson dari segi entrinya dan penerangan makna perkataannya. Entri Melayunya dalam tulisan Jawi dan maknanya dalam bahasa Inggeris. Dalam penulisan kamusnya, Swettenham telah menggunakan sistem ejaan Melayu yang menggunakan huruf Jawi dengan mengekalkan sebanyak 33 huruf seperti yang biasa dipakai. Selain itu, beliau juga menerangkan fungsi dan persamaan bunyi huruf Jawi dan padanannya dengan huruf Roman. Berhubung dengan huruf-huruf vokal Jawi yang tidak mencukupi jumlah vokal dalam huruf Rumi, beliau menjelaskan:

"I have bound myself by no rule in this matter. Indeed to transliterate in Roman letters which do not appear at all in the Malay words would be difficult. I have reproduced the Malay consonants by their equivalents in Roman letters in every case. To lay down such a rule with regard to even the vowel which do appear in the Malay, would be unwise, for it would only mislead. To say that  should always be reproduced by 'I' when in the Malay it is often pronounced as 'e' or as 'ie', or to make it a rule that  shall always be rendered by 'u' when it is often really pronounced 'o' and 'au' would to be advocate mispronunciation and misunderstanding, with to countervailing benefit."

(Frank Swettenham, XV, 1911)

Tentang ketekalan pengaruh ejaan Arab yang masih dipakai oleh setiap orang penulis seperti yang dibincangkan di atas, pengaruh tersebut terjadi disebabkan wujudnya sistem baris seperti '  ', '  ', '  ' dan '  ', yang dipakai dalam sistem ejaan Arab untuk membezakan bunyi.

Kesimpulannya, pada peringkat awal penggunaan tulisan Jawi yang dipopularkan penggunaannya oleh para pengkaji dari Barat tidak memperlihatkan banyak variasi sama ada dari sistem ejaan dan tulisan.

2.3 KAJIAN DI MALAYSIA

Di peringkat dalam negeri, terdapat banyak bahan bertulis tentang Jawi sama ada dalam bentuk kajian ilmiah dan esei-esei akademik. Kajian yang berbentuk esei akademik banyak yang dimuatkan dalam jurnal-jurnal pendidikan, majalah-majalah tentang bahasa dan budaya, kertas-kertas seminar, konvensyen dan kongres yang berhubung dengan bahasa dan pendidikan.

Pada tahap perkembangan awal, tulisan Jawi telah mendapat perhatian yang menyeluruh dan digunakan dalam semua urusan. Seperti yang telah dibincangkan dalam 2.2, ternyata tokoh-tokoh seperti Marsden (1814), Shellabear (1901), R.J.Wilkinson (1903), Frank Swettenham (1911), R.O.Winstedt (1914) dan lain-lain lagi telah membuktikan bahawa mereka berjaya menggunakan tulisan Jawi dalam kerja-kerja penyelidikan mereka.

Semenjak negara mencapai kemerdekaan, penerimaan masyarakat untuk mengambil tulisan Rumi sebagai media utama, masa depan bagi tulisan Jawi telah mula kurang diberi perhatian. Oleh itu lahirlah pandangan dan kritikan sama ada pro atau kontra terhadap tulisan ini.

Berhubung dengan kepentingan tulisan Jawi, kepada sesetengah pihak dalam Laporan Jabatan Pelajaran Persekutuan 1956 ada dinyatakan seperti berikut:

“We have considered of carefully whether Roman script (Rumi) or Persoarabic script (Jawi) should be used in teaching the national language and we recommended the used of Rumi provided that arrangement are made for the learning of Jawi by Muslim pupil.”

(Education Committee, 1956)

Apabila bermulanya Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang pertama, kedudukan tulisan Jawi sebagai penyampai ilmu telah mula tergugat.

“dalam persidangan yang pertama ASAS 50 telah mencadangkan supaya tulisan Rumi dijadikan tulisan rasmi, maka telah dibangkang dan dialah-kan dengan suara yang terbanyak. Akan tetapi dalam kongres yang kedua, tulisan Rumi telah diterima sebagai tulisan rasmi, dengan syarat tulisan Jawi tidak dihapuskan. Ini merupakan ‘compromise’ dan jua satu kemenangan bagi angkatan muda yang dipelopori dan diketuai oleh ASAS 50 itu.”

(Syed Hussin Ali, 1958:47)

Walaupun bagaimanapun, tulisan Jawi masih diperlukan terutamanya dalam usaha menyelidiki manuskrip-manuskrip lama yang pada keseluruhannya tercatat dalam tulisan Jawi. Hamdan Hassan (1977), telah menyatakan bahawa tulisan Jawi adalah penting dalam hubungan pengkajian sejarah sastera Melayu di Malaysia, kerana semua buku sastera Melayu tertulis dengan tulisan Jawi. Beliau juga telah mencadangkan supaya ejaan Jawi itu dipelajari di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Selain itu, beliau juga mencadangkan tulisan arkaik diajarkan agar semua bentuk tulisan Jawi tua dapat dibaca oleh para pelajar.

Menurut Abdul Rahman Rukaini (1982), tindakan yang wajar perlulah diambil oleh orang Melayu untuk mempertahankan tulisan Jawi yang merupakan darah daging mereka. Mereka perlu mempertahankannya seperti juga orang-orang India dan Cina mempertahankan tulisan masing-masing. Perkembangan tulisan Jawi dirantau ini tidak dapat dipisahkan daripada hubungannya dengan perkembangan Islam. Islam tidak hanya membawa lembaran baru dari sudut akidah orang-orang Melayu malah tamadun Melayu telah mula diisi dengan perkembangan ilmu pengetahuan seperti dalam bidang keagamaan, kebudayaan, kesusasteraan, dan bahasa Melayu.

Haji Hamdan Abdul Rahman (1984), dalam buku Sistem Ejaan Jawi Bahasa Melayu, ada menerangkan bahawa beliau tidak nampak sebarang alasan atau hujah yang kuat yang dapat mewajarkan kita bertindak menghapuskan tulisan Jawi. Beliau menambah, walaupun mempelajari tulisan Jawi agak sukar, banyak lagi perkara yang lebih sukar yang dapat kita kuasai. Jika ditinjau dari segi linguistik, iaitu daripada segi pertalian di antara fonem-fonem dengan lambangnya, tulisan Jawi mengatasi tulisan Rumi. Fonem yang mempunyai satu lambang hanya 11 dalam tulisan Rumi tetapi dalam tulisan Jawi ada 26. Kes satu fonem berbilang lambang dalam tulisan Jawi hanya 4 tetapi dalam tulisan Rumi ada 5. Kes berbilang fonem berkongsi satu lambang dalam tulisan Jawi hanya 5 pada hal dalam tulisan Rumi ada 10. Dalam tulisan Rumi ada 6 kes yang satu fonem itu mempunyai lambang berangkap sedangkan dalam tulisan Jawi kes sedemikian tidak ada. Dengan ini alasan yang mengatakan tulisan Jawi sukar dikuasai adalah lemah.

Dalam artikel yang bertajuk, “Tulisan Jawi sebagai penyatu umat Melayu” dalam jurnal Dewan Bahasa (1987), Hamdan Abdul Rahman menyatakan bahawa memang tidak salah jika kita terus berusaha untuk memperkemaskan tulisan Rumi. Yang salah ialah sikap kita terhadap tulisan Jawi itu; dan lebih salah lagi jika kita hendak membenamkannya. Ini kerana

langkah sedemikian pasti akan merugikan kita kerana pusaka peninggalan datuk nenek kita adalah tulisan Jawi.



Kang Kyoung Seock (1990), telah membuat satu kajian yang mendalam tentang sistem ejaan Jawi. Dalam kajiannya, Kang menyentuh beberapa aspek terpenting mengenai susur galur tulisan Jawi seperti sejarah perkembangannya, perubahan-perubahan dalam bentuk tulisan Jawi, corak dan kaedah pengajaran Jawi di sekolah dan kepentingan tulisan Jawi kepada perkembangan ilmu pengetahuan di Malaysia.

Menyentuh tentang kaedah pengajaran Jawi pula, Amat Johari Moain (1991), menyatakan bahawa berlaku empat jenis tahap pedoman ejaan Jawi yang tersebar dalam masyarakat, iaitu tahap pertama, ejaan Jawi yang menggunakan tanda-tanda baris dan syaddah; tahap kedua, ejaan Jawi yang mengekalkan ejaan pada tahap pertama tetapi meninggalkan penggunaan tanda; tahap ketiga, ejaan Jawi cara Melayu yang menggunakan huruf saksi pada suku kata pertama; dan tahap keempat, pengenalan huruf saksi pada suku kata kedua pula bila terdapat ejaan yang hanya menggunakan huruf saksi pada suku kata pertama itu mengelirukan kerana ejaan yang sama boleh mewakili dua perkataan.

Ejaan yang keempat inilah yang menjadi asas kepada sistem ejaan Pakatan Bahasa Johor (1937) dan sistem ejaan Za'ba (1938) yang dikenali dengan Petua Ejaan Jawi (1949) dalam Pelita Bahasa Melayu I (Bab I hingga IV 1958). Sistem ejaan Jawi Za'ba inilah yang menjadi teras dan panduan kepada sistem yang diamalkan oleh badan-badan percetakan seperti Pustaka Dian, Utusan Melayu dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Sistem ini juga digunakan di sekolah dan maktab perguruan dan dikenali dengan nama Ejaan Sekolah sehinggalah Kementerian Pendidikan Malaysia mengarahkan pihak sekolah, maktab perguruan dan pihak swasta menggunakan ejaan yang ada dalam Pedoman Ejaan Jawi yang disempurnakan (PEJYD, DBP, 1992a, 1993b) (Pekeliling Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 22 Januari, 1992).

Menurut Amat Johari Moain lagi, semasa masih wujud sekolah Melayu, Jawi menjadi tulisan utama sekurang-kurangnya di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Tetapi apabila sekolah Melayu dihapuskan dan diganti dengan sekolah umum dan kemudian sekolah kebangsaan, maka peranan tulisan Jawi semakin berkurang. Jawi menjadi mata pelajaran sahaja dan dimasukkan ke dalam pengajaran Bahasa Melayu. Keadaan ini pun tidak bertahan lama kerana guru yang mahir Jawi berkurangan. Akhirnya Jawi berpindah ke dalam pengajaran Pengetahuan Agama Islam. Namun ini tidak dapat dilaksanakan

dengan sepenuhnya, kerana ia telah mengurangi waktu untuk mengajarkan isi Pengetahuan Agama Islam.

Isahak Haron (1979), pula menerangkan bahawa kaedah abjad adalah satu kaedah yang mengenalkan murid-murid kepada semua huruf a hingga z (atau  ... ) dan menghafal mengikut susunan. Setelah beberapa minggu baru disebutkan huruf-huruf vokal a, e, i, o, u. Selepas itu diajar membina suku kata seperti “ba tu”, “ka ki” dan diikuti pula dengan membaca ayat-ayat yang pendek. Murid-murid mengambil masa yang agak panjang iaitu tiga, empat bulan atau lebih daripada mula diajar mengenal huruf hingga boleh membaca ayat. Penekanan terhadap pengenalan dan penghayatan nama-nama huruf boleh membosankan murid-murid.

Isahak (1979), juga mencadangkan penggunaan Kaedah Gabungan Bunyi Kata untuk mengajar bacaan Rumi. Kaedah ini berasaskan beberapa perkara:

1. Sistem Ejaan Bahasa Malaysia adalah menurut abjad dan fonemik. Ertinya ada hubungan yang rapat di antara simbol/huruf dan bunyinya;

2. Suku kata perkataan-perkataan Melayu adalah jelas (jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain, seperti bahasa Inggeris);
3. Ciri-ciri yang baik dari Kaedah Fonik dan Kaedah Seluruh Perkataan boleh digabungkan;
4. Murid-murid Melayu yang baru melangkah masuk ke Darjah Satu rata-rata telah pun mempunyai perbendaharaan bahasa Melayu yang mencukupi untuk terus belajar membaca.

Isahak (1979), menyatakan kaedah yang dicadangkan ini menegaskan penggabungan Kaedah Fonik dan Kaedah Seluruh Perkataan dan ayat dalam satu pelajaran membaca, pada peringkat awal. Tidak perlu menunggu murid-murid mengetahui semua nama huruf, bunyi huruf dan suku kata sebelum mereka disuruh membaca perkataan-perkataan atau ayat. Malahan tidak perlu memperkenalkan dan mengajar abjad dan bunyi huruf dari a, b, c,... sampai z secara tertib biasa. Tegasnya, berdasarkan kajian Isahak Haron itu beberapa kaedah pengajaran Rumi dapat diubah suai dan digunakan untuk mengajarkan bacaan Jawi kepada murid-murid sekolah.

2.4 Kepentingan Menguasai Jawi

Tulisan Jawi mempunyai kaitan dengan tulisan Al-Quran. Ianya perlu dikuasai bagi memudahkan dan membantu penguasaan membaca Al-Quran. Sehubungan dengan itu, menguasai Jawi dapat membantu murid-murid menentukan identiti sebutan dan tulisan serta memelihara pengertian terutama yang berkaitan dengan Al-Quran dan Hadith. Mosa Jin Bao Ping (1994) seorang Pengetua Sekolah Islam di China menyatakan:

“Amat sukar untuk menghayati Al-Quran jika seseorang tidak memahami tulisan Jawi, walau pun tulisan Mandrin digunakan di sekolah-sekolah kerajaan di China namun Pelajaran Jawi tetap dipelajari di madrasah-madrasah.”

(Utusan Malaysia, 7 April 1994)

Murid-murid Islam amatlah penting menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi, kerana tulisan Jawi mempunyai persamaan dengan tulisan Arab. Dengan menguasai kemahiran membaca Jawi seseorang pelajar akan lebih mudah mempelajari bahasa Arab yang mana ia juga memudahkan mereka untuk memahami ajaran-ajaran Islam. Ini adalah kerana kitab-kitab yang muktabar

3. ابو + بلي + بوكو
4. ابو بلي بوكو

2.5.1 (b) Tahun Kedua (Darjah Tiga)

Pada peringkat ini pelajar-pelajar belajar menyambung dan memahirkan aktiviti tahun I dengan menggunakan perkataan-perkataan yang disenaraikan dalam “Hujungan B” (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1975:142).

2.5.1 (c) Tahun Ketiga (Darjah Empat)

Melanjutkan aktiviti Tahun Dua menggunakan kumpulan perkataan yang disenaraikan pada “Hujungan C” (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1975:143). Aktiviti ditambah dengan membaca buku teks Jawi yang sesuai.

“Kebolehan menguasai bahasa Jawi merupakan satu kelebihan yang tidak seharusnya dipersia-siakan begitu sahaja. Kita harus memandang serius terhadap kemerosotan jumlah pelajar yang boleh menguasai bahasa itu. Semua pihak harus mempertingkatkan usaha supaya di masa akan datang bahasa Jawi yang merupakan aset tunggal orang Melayu tidak pupus begitu sahaja.”

(Utusan Malaysia, 20 Oktober 1992)

Kesimpulannya, kemahiran membaca Jawi di kalangan murid-murid di sekolah rendah dan menengah sangatlah penting dan perlu diberi perhatian yang serius. Ini sesuai dengan usaha menyelamatkan dan meningkatkan penguasaan Jawi di kalangan generasi hari ini yang bakal menjadi pemimpin generasi 2020 nanti agar mereka akan terus menghargai tulisan Jawi sebagai tulisan yang mempunyai nilai seni yang tinggi serta unik.

2.5 Pengajaran dan Pembelajaran Jawi Dalam Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) dan Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM)

Menurut Rizuan Atan (1988), pengajaran Jawi memang diajarkan di sekolah-sekolah sejak dahulu lagi. Pengajaran Jawi disampaikan secara

berasingan daripada Rumi. Pada ketika itu pelajaran Jawi diletakkan 'dipinggir' kurikulum sekolah yang mengakibatkan sebilangan besar generasi muda hari ini 'buta Jawi'. Keadaan ini menjadi semakin parah apabila tulisan itu tidak lagi diminati.

Abdul Razak Hamid (1977:IX), menyatakan bahawa dalam tahun 1970, pelajaran Jawi telah dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah rendah, menengah dan maktab-maktab perguruan. Bermula dari tahun tersebut, Maktab Perguruan Bahasa di Lembah Pantai, Kuala Lumpur telah ditugaskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia menjalankan kursus Bahasa Malaysia bagi guru-guru terlatih bukan Melayu yang mengajar di sekolah rendah dan menengah. Pelajaran Jawi telah dijadikan salah satu mata pelajaran yang diajarkan kepada mereka.

Walaupun Jawi telah dimasukkan semula ke dalam sukatan pelajaran KLSR dan KLSM sebagai sebahagian daripada isi pelajaran Bahasa Malaysia, kemasukannya itu tidak membawa perubahan yang positif kepada peningkatan pembelajaran jawi kerana sikap sambil lewa semua pihak berterusan.

Kaedah dan teknik pengajaran Jawi dalam KLSR dan KLSM tetap tidak berubah. Pendekatan pengajarannya masih mengikut sistem tradisi. Tanggungjawab mengajar tulisan Jawi yang ditugaskan kepada guru-guru Bahasa Malaysia tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya. Kemudian tugas tersebut dibebankan semula kepada guru-guru mata pelajaran Agama Islam.

2.5.1 Kandungan Sukatan Pelajaran Jawi dalam KLSR

Berdasarkan sukatan pelajaran yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 1970, kandungan sukatan pelajaran Jawi dibahagikan mengikut peringkat darjah iaitu selama lima tahun.

- (a) Tahun Pertama (Darjah Dua)
- (b) Tahun Kedua (Darjah Tiga)
- (c) Tahun Ketiga (Darjah Empat)
- (d) Tahun Keempat (Darjah Lima)
- (e) Tahun Kelima (Darjah Enam)

2.5.1 (a) Tahun Pertama (Darjah Dua)

Pada tahap ini pengajaran Jawi terbahagi kepada empat peringkat, iaitu:

- i) Peringkat hafalan: pelajar-pelajar hanya berlatih menghafal bunyi perkataan.
- ii) Peringkat mengenal serta boleh menyebut:
 - a) Menyebut bunyi suku kata.

Contoh:

be - ب + رمى - ras

beras = برسى

- b) perkataan dua suku kata terdiri daripada tiga huruf.

Contoh:

bapa - باق + ب ا ق

- iii) Peringkat membaca sendiri dengan berdasarkan bunyi huruf.

- iv) Latihan menulis: Empat peringkat kemahiran menulis Jawi

dalam tahun pertama seperti berikut:

1.

و	ك	و	ب
---	---	---	---

 +

ي	ل	ب
---	---	---

 +

و	ب	ا
---	---	---

2. ا ب و ب ل ي ب و ك و

3. ابو + بلي + بوكو
4. ابو بلي بوكو

2.5.1 (b) Tahun Kedua (Darjah Tiga)

Pada peringkat ini pelajar-pelajar belajar menyambung dan memahirkan aktiviti tahun I dengan menggunakan perkataan-perkataan yang disenaraikan dalam “Hujungan B” (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1975:142).

2.5.1 (c) Tahun Ketiga (Darjah Empat)

Melanjutkan aktiviti Tahun Dua menggunakan kumpulan perkataan yang disenaraikan pada “Hujungan C” (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1975:143). Aktiviti ditambah dengan membaca buku teks Jawi yang sesuai.

2.5.1 (d) Tahun Keempat (Darjah Lima)

Pada peringkat ini pelajar mula diperkenalkan dengan perkataan yang lebih sukar dari segi ejaannya seperti kata pinjaman bahasa Arab.

Contoh:

- (ظ) untuk ظاهير
- (غ) untuk مغرب
- (ع) untuk عمل
- (ش) untuk شرط
- (ر) untuk رزق
- (ذ) untuk بيدا
- (خ) untuk خبر

2.5.1 (e) Tahun Kelima (Darjah Enam)

Pada tahap ini para pelajar dijangka sudah mampu menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi dengan baik. Aktiviti yang selanjutnya ialah peringkat pemantapan iaitu membaca teks-teks Jawi yang lebih berat seperti buku cerita, majalah dan surat khabar.

2.5.2 Kandungan Sukatan Pelajaran Jawi Dalam KLSM

Dalam sukatan pelajaran bahasa Malaysia di peringkat sekolah menengah rendah (tingkatan I, II dan III), pelajaran Jawi tidak diberikan garis panduan mengajar dengan lengkap. Sukatan pelajaran berkenaan hanya dinyatakan seperti berikut:

“Pelajaran Jawi hendaklah diteruskan dengan tujuan memahirkan murid-murid menulis dan membaca Jawi. Latihan menulis dan membaca hendaklah diadakan dari semasa ke semasa dengan memasukkan dalam bahagian B (Bacaan dan Kefahaman) dan bahagian C (Karangan).”

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 1972:16)

Kenyataan di atas terlalu longgar sehingga menjadikan sebilangan guru memandang ringan tugas mengajar Jawi.

Dari segi teknik pengajaran, sukar ditemui satu pendekatan pengajaran yang paling canggih dan berkesan yang boleh digunakan ketika mengajar Jawi. Menurut Mohd Hilmi Haji Ismail (1982:61), pengajaran Jawi di sekolah rendah

dan menengah dijalankan secara kelas. Jalan penyelesaian yang paling mudah dan biasa diambil oleh para guru ialah menyediakan bahan pengajaran yang aras pengetahuannya agak sederhana supaya murid-murid di pelbagai aras pencapaian boleh mengikutinya.

2.6 Sukatan Pelajaran Jawi KBSR dan KBSM

2.6.1 Pengenalan

KBSR dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1983. Manakala KBSM pula telah dilaksanakan enam tahun kemudiannya iaitu pada tahun 1989. Pertukaran sistem pelajaran dari KLSR dan KLSM kepada KBSR dan KBSM sudah tentulah melibatkan beberapa penggubalan besar dari segi dasar, falsafah dan kurikulum itu sendiri. Sebagai contoh, semasa KLSR para pelajar telah dibebani dengan maklumat dan fakta pelajaran yang amat sarat. Apabila sistem bertukar kepada KBSR penekanan hanya ditumpukan kepada tiga aspek kemahiran asas terpenting sahaja iaitu, membaca, menulis dan mengira (3M). Berdasarkan 3M sebagai teras, semua aktiviti pembelajaran daripada pelbagai sumber ilmu pengetahuan akan disampaikan kepada para pelajar.

Tidak terdapat apa-apa maklumat penting dan arahan lengkap tentang pengajaran Jawi yang dikeluarkan, kecuali sebuah buku Panduan Khas Pelajaran Jawi KBSR untuk Tahun Tiga dan Empat. Panduan tersebut dikeluarkan oleh bahagian Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (1985).

Ruang lingkup pengajaran juga menjadi semakin sempit apabila pelajar sasaran hanya ditumpukan kepada pelajar-pelajar Islam sahaja. Keadaan ini berlaku apabila kurikulum Jawi disatukan dengan kurikulum mata pelajaran Agama Islam.

“Pelajaran mula diperkenalkan kepada murid pada Tahun 3 Tahap I dan Tahun 4 Tahap II. Pengajaran dan pembelajaran Jawi ini meliputi kemahiran mengeja, membaca dan menulis. Di peringkat awal, mengenal, membaca dan menulis huruf-huruf Jawi tunggal dan ayat-ayat mudah adalah diutamakan. Apabila murid-murid telah dapat membaca dan menulis ayat-ayat mudah, pelajaran Jawi akan diperkukuhkan lagi dengan aktiviti-aktiviti seperti menjawab soalan kefahaman dan menukar skrip Rumi kepada skrip Jawi. Penggunaan Jawi disatukan dalam Pelajaran pendidikan Agama Islam.”

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 1985)

Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan panduan untuk tiga unit pembelajaran, iaitu Unit Pembelajaran 1, Unit Pembelajaran 2 dan Unit Pembelajaran 3.

2.6.2 Unit Pembelajaran 1

Objektif: Di akhir unit pembelajaran ini seseorang murid boleh mengeja dan membaca perkataan dua suku kata terbuka serta menulis perkataan rangkaian dua dan tiga huruf.

Unit	Kemahiran
1.1	Mengecam bentuk-bentuk huruf tunggal Jawi <ul style="list-style-type: none"> a) Huruf vokal b) Huruf konsonan
1.2	Membunyi dan menamakan huruf tunggal Jawi.
1.3	Mengenal bentuk huruf dalam rangkaian atau perkataan.
1.4	Membatang suku kata terbuka

- a) satu huruf
 - b) dua huruf

- 1.5 Membunyi dan menamakan huruf dalam rangkai atau perkataan.

- 1.6 Membedakan perkataan dua suku kata:
 - a) memakai vokal di suku kata awal
 - b) memakai vokal di suku kata akhir
 - c) memakai vokal di kedua-dua suku kata
 - d) tidak memakai vokal di kedua-dua suku kata

- 1.7 Melakar bentuk-bentuk huruf tunggal Jawi.

- 1.8 Menulis huruf-huruf tunggal Jawi.

- 1.9 Menulis dengan merapatkan huruf tunggal:
 - a) dua huruf
 - b) tiga huruf
 - c) lebih daripada tiga huruf

- 1.10 Menulis dengan merangkaikan:
 - a) dua huruf
 - b) tiga huruf

- 1.11 Menulis perkataan dua suku kata dengan kedudukan

huruf yang betul:

- a) perkataan yang tidak berangkai
- b) perkataan yang terdiri daripada dua rangkaian
- c) perkataan yang terdiri daripada huruf berangkai dan tidak berangkai.

2.6.3 Unit Pembelajaran 2

Objektif: Di akhir unit pembelajaran ini seseorang murid boleh mengeja dan membaca perkataan suku kata terbuka dan tertutup serta menulis ayat dengan jarak dan perkataan yang betul.

Unit	Kemahiran
2.1	Mengenal bentuk huruf dalam rangkaian atau perkataan.
2.2	Membatang suku kata tertutup: <ul style="list-style-type: none"> a) dua huruf b) tiga huruf
2.3	Membatang perkataan dua suku kata: <ul style="list-style-type: none"> a) tidak memakai vokal di kedua-dua suku kata
2.4	Membatang perkataan suku kaata terbuka dan tertutup.

- 2.5 Membatang perkataan yang tidak memakai huruf vokal.
- 2.6 Membaca perkataan yang berimbuhan di awal.
- 2.7 Membaca rangkai kata, ayat atau karangan pendek.
- 2.8 Membatang perkataan lebih daripada dua suku kata.
- 2.9 Memadan perkataan berimbuhan dengan kata dasarnya.
- 2.10 Menulis dengan merangkaikan:
 - a) dua huruf
 - b) tiga huruf
 - c) lebih daripada tiga huruf
- 2.11 Menulis perkataan dua suku kata dengan kedudukan huruf yang betul:
 - a) perkataan yang terdiri daripada huruf berangkai dan tidak berangkai.
 - b) perkataan yang terdiri daripada satu rangkaian tunggal sahaja.
- 2.12 Menulis perkataan lebih daripada suku kata:
 - a) perkataan yang tidak berangkai
 - b) perkataan yang terdiri daripada dua rangkaian
 - c) perkataan yang terdiri daripada huruf berangkai

dan tidak berangkai.

d) perkataan yang terdiri daripada satu rangkaian tunggal sahaja.

- 2.13 Menulis ayat dengan jarak huruf dan perkataan yang betul.
- 2.14 Mengisi tempat kosong dalam:
 - a) ayat
- 2.15 Menulis perkataan yang direncanakan.
- 2.16 Menulis ayat yang direncanakan.
- 2.17 Menulis jawapan kefahaman berdasarkan bahan yang dibaca.

2.6.4 Unit Pembelajaran 3

Objektif: Di akhir unit pembelajaran ini seseorang murid telah boleh mengeja dan membaca perkataan dalam tulisan Jawi serta menggunakan tulisan Jawi.

Unit	Kemahiran
3.1	Membaca perkataan yang berimbuhan di awal.

- 3.2 Membaca perkataan yang berimbuhan di akhir.
- 3.3 Membaca perkataan berimbuhan awalan dan akhiran.
- 3.4 Membaca perkataan tradisi.
- 3.5 Membaca perkataan pinjaman dari bahasa Arab.
- 3.6 Membaca rangkaikata, ayat atau karangan pendek.
- 3.7 Membaca ayat dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- 3.8 Menulis perkataan yang direncanakan.
- 3.9 Mengisi tempat kosong dalam:
(ayat)
- 3.10 Menulis ayat yang direncanakan.
- 3.11 Menggunakan tanda baca, noktah, soal, seruan, koma, pengikat kata dan perkataan berganda.
- 3.12 Menulis jawapan kefahaman berdasarkan bahan yang dibaca.
- 3.13 Memindahkan skrip Rumi ke Jawi.

Dengan hanya tiga unit pembelajaran seperti di atas, menunjukkan penekanan terhadap kepentingan pelajaran Jawi masih terlalu longgar. Kecuali Tahun Tiga dan Tahun Empat, Tahun Satu, Tahun Dua, Tahun Lima dan Tahun Enam tidak mempunyai apa-apa bahan dan panduan. Sukatan pelajaran bagi tahun-tahun berkenaan telah diserahkan bulat-bulat kepada kebijaksanaan guru-

guru mata pelajaran Agama Islam yang ditugaskan mengajar Jawi merancangkannya. Keadaan yang sama juga turut berlaku di peringkat KBSM.

Memandangkan kepada penekanan yang terlalu longgar itu, pihak Jawatankuasa Pelaksanaan KBSR-KBSM, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memutuskan kurikulum yang diamalkan sekarang bagi mata pelajaran Jawi dimansuhkan. Arahan tersebut dikeluarkan melalui surat, KP (PPK) 016/ 24/Jld. V (88), bertarikh 6 haribulan November 1990.

“Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan KBSR-KBSM 6/90 pada 6 November, 1990 telah memutuskan bahawa tulisan Jawi boleh diajar di Tahun 1, mulai dari Disember 1990. Keputusan ini dengan sendirinya memansuhkan amalan sekarang di mana tulisan Jawi diajar pada tahun 3 dalam KBSR.

Pengajaran tulisan Jawi hendaklah diajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang mengambil satu masa daripada mata pelajaran tersebut.”

(Datuk Haji Omar Hashim, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990)

Dengan berkuatkuasanya arahan baru itu, memberikan akibat kepada pengajaran Jawi sekarang kerana ia diajar tanpa sebarang panduan yang rasmi yang boleh dipegang oleh para guru. Pengajaran seumpama ini akan berterusan

beberapa lama sehinggalah penggubalan Panduan Khas Kurikulum Jawi yang sedang giat dijalankan sekarang dikeluarkan.